



**UMUM**

Bilangan Kami : JKAP7500/OPS/6/1/4/4  
7 Jun 2022

Y. Bhg. Dato' Noraimi binti Alias  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Anika Insurance Brokers Sdn. Bhd.  
Tingkat 4  
No.11, Jalan Medan Tuanku Satu  
50300 Kuala Lumpur

Y. Bhg. Dato' Noraimi,

### **Kelulusan Untuk Menjalankan Perniagaan Pembrokeran Insurans**

Permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan perniagaan pembrokeran insurans oleh Anika Insurance Brokers Sdn. Bhd. (Anika) adalah dirujuk.

2. Kelulusan adalah diberi kepada Anika untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans di bawah seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) bagi tempoh **setahun** bermula dari **1 Jun 2022 hingga 31 Mei 2023**.

3. Berdasarkan seksyen 15(1)(b) APK, kelulusan juga diberi kepada Anika bagi menjalankan perniagaan pembrokeran takaful bagi tempoh yang sama. Dengan kelulusan ini, Anika adalah tertakluk kepada peruntukan relevan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI), perundangan subsidiari dan standard yang berkaitan.

4. Untuk makluman Y. Bhg. Dato', Bank Negara Malaysia (Bank) boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada Anika menurut seksyen 20 APK termasuklah dalam keadaan-keadaan berikut:

- (i) sekiranya Anika gagal untuk mematuhi sebarang syarat yang dikenakan ke atasnya; atau
- (ii) sekiranya Anika memungkir atau melanggar mana-mana peruntukan APK atau APKI .

Kegagalan untuk mematuhi syarat yang dikenakan terhadap kelulusan yang diberikan juga merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah seksyen 13(2) APK.

5. Sila ambil maklum bahawa sebarang permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan perniagaan pembrokeran insurans oleh Anika untuk tempoh seterusnya hanya akan dipertimbangkan sekiranya Anika mematuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) Anika mengemukakan permohonan untuk kelulusan bagi menjalankan perniagaan pembrokeran insurans kepada Bank sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh tamat kelulusan semasa dan hendaklah disertakan dengan maklumat yang lengkap menggunakan borang permohonan CMC/RENEWITB/2020 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Bank; dan

**UMUM**

- (ii) Anika memenuhi kesemua faktor atau kehendak yang berkaitan untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans.

6. Anika adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi peruntukan di bawah APK dan peruntukan relevan di bawah APKI serta kesemua standard yang ditentukan oleh Bank di bawah undang-undang tersebut pada setiap masa. Bank juga ingin menekankan obligasi Anika untuk sentiasa mematuhi kehendak di bawah seksyen 125 APK dan seksyen 137 APKI, termasuk memastikan segala wang yang diterima berkaitan dengan suatu kontrak insurans/takaful atau suatu kontrak insurans/takaful yang dicadangkan diselenggara dalam suatu akaun bank berlesen atau bank Islam berlesen yang berasingan daripada akaunnya sendiri.

7. Bayaran fi tahunan untuk **setahun** sebanyak RM2,250 (termasuk fi perniagaan pembrokeran takaful sebanyak RM250) boleh dibuat melalui sistem RENTAS (*Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities*) dan Anika perlu, dalam tempoh **tujuh hari** dari tarikh surat ini, mengemukakan sesalinan nota kredit (*credit advice*) kepada Bank untuk pengesahan. Sila ambil maklum bahawa fi yang telah dibayar tidak akan dipulangkan (*non-refundable*) oleh Bank.

Sekian.

Yang benar,



(Mohd Nadzri Sulaiman)

b.p. Pengarah

Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran